

04 JAN 1997

Mahathir-pembalakan

TIADA PEMBALAKAN HARAM DI KENINGAU, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 4 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ada pembalakan haram di kawasan hutan simpanan di Keningau yang didakwa menyebabkan banjir maut di daerah itu ekoran ribut Greg di pantai barat Sabah, minggu lepas.

"Tuduhan bahawa bencana ini adalah disebabkan pembalakan haram atau pembalakan yang sah, adalah tidak benar. Pemerhatian saya dan rakaman pita video menunjukkan bahawa tiada pembalakan haram di kawasan hutan simpanan di sepanjang Banjaran Crocker, apa yang banyak ialah tanah runtuh," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada persidangan berita sebelum berlepas pulang ke ibu negara setelah melawat daerah Keningau dan meninjau kawasan yang teruk dilanda banjir di daerah itu hari ini.

Perdana Menteri berkata sebaliknya tanah runtuh itu yang disebabkan kegiatan pertanian pindah dahulu telah memburukkan bencana banjir kilat yang melanda banyak kampung di Keningau yang setakat ini telah meragut hampir 200 nyawa.

Sebelum ini pelbagai pihak mendakwa berlaku pembalakan sama ada haram atau sah di kawasan itu, malah pembalakan yang berlebihan mungkin menjadi penyebab kepada banjir itu.

Dr Mahathir juga berkata kegiatan pertanian pindah yang membabitkan penebangan dan pembakaran semua pokok untuk ditanami padi bukit telah menyebabkan banyak kejadian tanah runtuh.

"Topografi di Keningau adalah sangat curam dan kebanyakan daripada berpuluh-puluh tanah runtuh ini berlaku di kawasan yang sangat curam. Apabila berlaku tanah runtuh, air sungai akan tersekat dan bertakung. Apabila terlalu banyak air, ia akan menembusi sekatan itu.

"Mana-mana tempat yang ada halangan, air itu akan memecahkan halangan ini dan mengalir deras membawa pokok yang tumbang yang akhirnya telah mengheret rumah-rumah yang dibina di tepi sungai dan yang dibina di dalam sungai," katanya.

Beliau juga percaya bahawa selain untuk tanaman padi bukit, ada juga penduduk tempatan yang menebang pokok-pokok di atas tanah milik mereka untuk dijual.

Penebangan pokok ini turut merosakkan kawasan bukit dan telah mendorong kejadian tanah runtuh, kata beliau.

"Jadi nak kata ada pembalakan haram adalah tidak benar, begitu juga pembalakan sah, tetapi (sebaliknya) tragedi ini berlaku kerana mereka mendirikan rumah-rumah di dalam sungai dan di tebing sungai," katanya.

Katanya tragedi seperti itu akan berulang setiap kali berlaku banjir jika penempatan di tepi dan dalam sungai masih tidak diatasi.

Mengenai pertanian pindah itu, Perdana Menteri berkata ia menjadi kebiasaan di Sabah dan Sarawak tetapi ia satu cara yang tidak sihat kerana membabitkan penebangan dan pembakaran semua pokok pada satu-satu kawasan.

Katanya di dua negeri itu banyak kawasan bukit yang kosong atau tiada pokok, yang ditinggalkan petani pindah apabila tanah di situ tidak lagi subur, dan perkara itu mengganggu kestabilan tanah dan menjadikannya mudah runtuh.

"Sayapun hairan bagaimana mereka boleh berjalan naik dan membina rumah-rumah di tempat begitu tinggi dan curam di puncak-puncak bukit setinggi 914.4 meter hingga 1,219.2 meter.

"Kita hendak mereka ditempatkan di tempat tertentu di mana kita boleh

membantu mengadakan kegiatan pertanian secara tersusun," katanya.

-- BERNAMA

KG JS AHH